

1. PERNYATAAN DASAR ISMS

- Menyediakan pelan pengurusan keselamatan maklumat yang komprehensif untuk melindungi perkhidmatan dan infrastruktur seperti di bawah supaya mencapai objektif keselamatan ICT Sektor Awam:
 - a) “Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat Bagi Penyampaian Perkhidmatan Teknologi Maklumat Majlis Perbandaran Klang.”
- Menyediakan rangka kerja untuk menentukan objektif, hala tuju yang menyeluruh dan asas tindakan yang selari dengan dasar keselamatan maklumat dan matlamat MPK.
- Mengambil kira keperluan akta dan perundangan, keperluan kontrak dan keperluan keselamatan dalam membangunkan dan melaksanakan sistem pengurusan keselamatan maklumat.
- Membangunkan metodologi penilaian risiko dalam pelaksanaan sistem pengurusan keselamatan maklumat dan semakan secara berkala untuk memastikan metodologi tersebut sentiasa relevan.
- Membangunkan kriteria-kriteria yang perlu dalam melaksanakan penilaian risiko.
- Komited untuk melaksanakan penambahbaikan berterusan.

2. SKOP PERLINDUNGAN DASAR ISMS

Prosedur ini diguna pakai bagi melindungi semua bentuk maklumat perkhidmatan utama MPK seperti di Para 5 di atas. Perlindungan keselamatan merangkumi maklumat yang dimasukkan, diwujudkan, dimusnah, disimpan, dijana, dicetak, diakses, diedar, dalam penghantaran, dan yang dibuat salinan. Ini akan dilakukan melalui pewujudan dan penguatkuasaan sistem kawalan dan prosedur dalam pengendalian semua aset ICT berikut:

- a) Perkakasan
Semua aset yang digunakan untuk menyokong pemprosesan maklumat dan kemudahan storan. Contoh komputer, pelayan, peralatan komunikasi dan sebagainya;
- b) Perisian
Program, prosedur atau peraturan yang ditulis dan dokumentasi yang berkaitan dengan sistem pengoperasian komputer yang disimpan di dalam sistem ICT. Contoh perisian aplikasi atau perisian sistem seperti

sistem pengoperasian, sistem pangkalan data, perisian sistem rangkaian, atau aplikasi pejabat yang menyediakan kemudahan pemrosesan maklumat;

c) Perkhidmatan

Perkhidmatan atau sistem yang menyokong aset lain untuk melaksanakan fungsi-fungsinya. Contoh:

- i. Perkhidmatan rangkaian seperti LAN, WAN dan lain-lain;
- ii. Sistem halangan akses seperti sistem kad akses;
- iii. Perkhidmatan sokongan seperti kemudahan elektrik, penghawa dingin, sistem pencegah kebakaran dan lain-lain; dan
- iv. Lokasi fizikal yang menempatkan aset ICT.

d) Data atau Maklumat

Koleksi fakta-fakta dalam bentuk kertas atau mesej elektronik, yang mengandungi maklumat-maklumat untuk digunakan bagi mencapai misi dan objektif MPK. Contohnya, sistem dokumentasi, prosedur operasi, rekod-rekod, pangkalan data, fail-fail data dan lain-lain; dan

e) Manusia

Individu yang mempunyai pengetahuan dan kemahiran untuk melaksanakan skop kerja harian bagi mencapai misi dan objektif agensi. Individu berkenaan merupakan aset berdasarkan kepada tugas-tugas dan fungsi yang dilaksanakan.